

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI  
(PANDAN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 18.05.2015**

**Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [ PANDAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci pelaburan dan pegangan (ekuiti, bon, pinjaman dan lain-lain) oleh KWSP dan KWAP di dalam 1MDB dan anak-anak syarikatnya (termasuk bekas anak syarikat iaitu SRC International Sdn. Bhd.) setakat 31 Mac 2015.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah melanggan bon

terbitan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang berjumlah RM200 juta pada tahun 2009 dan ianya dijamin sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia.

Selain itu, KWSP turut mempunyai pendedahan pelaburan terhadap anak-anak syarikat 1MDB iaitu Panglima Power Sdn. Bhd. (PPSB) dan Jimah Energy Ventures Sdn. Bhd. yang berjumlah RM1.52 bilion. Penglibatan pelaburan KWSP di dalam anak-anak syarikat tersebut berlaku pada tahun 2003 (PPSB) dan 2005 (JEV), iaitu sebelum pengambilalihan oleh 1MDB ke atas PPSB dan JEV, masing-masing pada tahun 2012 dan 2014.

Bagi Kumpulan Wang Amanah Persaraan (Diperbadankan) pula, pelaburan dan pegangan KWAP di dalam 1MDB dan anak-anak syarikatnya setakat 31 Mac 2015 adalah berjumlah RM1.4 bilion iaitu di dalam:

1. Bandar Malaysia Sdn Bhd
2. 1MDB Energy Limited
3. 1MDB Global Investment Limited
4. Jimah Energy Ventures Bhd